

# Kempen: Umno larang guna jentera kerajaan

BH - 4 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Kod Etika Pemilihan Umno yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi (MT) parti itu ini, melarang calon daripada menggunakan jentera kerajaan untuk kempen mereka.

Bahagian-bahagian Umno juga dilarang menganjurkan sebarang majlis atau pertemuan antara calon dengan perwakilan serta tidak boleh meminta wang untuk menaja program anjuran bahagian untuk kepentingan calon.

Selain itu, calon tidak dibenarkan sama sekali untuk menghulur wang kepada perwakilan walaupun bagi tambang pengangkutan, bayaran penginapan dan belanja makanan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu sidang akhbar selepas mesyuarat MT di sini, mereka yang melanggar kod etika berkenaan akan dilarang daripada bertanding.

"Kod etika ini adalah bagi menentukan supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa dalam kempen atau penggunaan wang dan sebagainya," katanya selepas mesyuarat selama hampir empat jam itu.

Kod etika yang dirangka oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno dalam mesyuaratnya 19 Januari lalu itu adalah panduan berkempen kepada calon yang akan bertanding untuk pemilihan parti Mei ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, mesyuarat itu tidak membincang dan membuat ketetapan mengenai kemungkinan akan wujud pertandingan secara berpasukan.

Sebaliknya, kata beliau, calon masih boleh berkempen tetapi perlu mengikut peraturan seperti ditetapkan dalam kod etika itu.

"Apa yang penting ialah kepercayaan di kalangan ahli Umno sendiri. Kita mesti yakin serta menjaga imej Umno dan tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kod etika ini. Namun, semua itu bergantung kepada budi bicara masing-masing," katanya.

Menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai penyalahgunaan kuasa, Presiden Umno berkata jika calon itu seorang pengerusi sebuah perbadanan ekonomi, dia tidak boleh menggunakan kuasa seperti membenarkan penggunaan bas milik agensi itu bagi membawa perwakilan ke mesyuarat pemilihan.

**LIHAT MUKA 2, RUANG 1**

## Calon dilarang pancing undi, beri hadiah

BH DARI MUKA 1 - 4 FEB 2000

Malah, calon itu juga ditengah daripada mengertak perwakilan seperti menurunkan pangkat jika tidak menyokongnya atau sebaliknya selain mereka dilarang memberi hadiah kepada orang lain untuk memancing undi.

Dr Mahathir menolak anggapan sesetengah pihak bahawa kod etika itu cuba menyekat kebebasan ahli Umno.

"Kita tidak sekat kebebasan ahli. Kalau ahli nak buat benda yang bertentangan dengan kod etika, mereka harus berani menghadapi tindakan. Kita nak dalam Umno ini terdapat kesedaran perlunya masing-masing kawal diri, disiplinkan diri dulu.

"Janganlah terlalu sangat pergi sana sini. Kalau tak bagi duit, tak bebas. Tak apalah kalau nak macam itu, apa kita nak buat," katanya sambil menasihatkan mereka supaya jangan terlampau ghairah menjadi pemimpin yang akhirnya boleh menghancurkan Umno.

Mengenai ahli atau calon yang melanggar kod etika itu, Dr Mahathir berkata: "Kita percaya penuh mereka tidak akan salah guna kuasa atau terbabit dalam perkara yang bertentangan dengan peraturan parti demi memelihara imej parti."

Mengenai penarikan semula larangan berkempen, beliau berkata keputusan itu diambil berikutan permintaan setiausaha-setiausaha Umno bahagian supaya parti tidak mengadakan peraturan terlalu ketat kerana ada calon yang mahu memperkenalkan diri.

Umno melaksanakan larangan berkempen semasa perhimpunan pemilihan parti 1996 yang bertujuan mengelak perpecahan dikalangan ahli.